

# Islam dan Demokrasi

Herodotus, seorang ahli falsafah Greek yang hidup di antara tahun-tahun 409-482 sebelum

Masihi, telah menggunakan perkataan ‘demokrasi’ untuk memperkatakan satu bentuk dan susunan negara di mana tumpuk kekuasaan yang tertinggi adalah di dalam tangan semua rakyat, bukan di dalam genggaman satu kelas atau sebahagian kecil dari rakyat sahaja. Bangsa Greek di zaman purbakala telah melaksanakan konsep demokrasi ini pada mengantikan pemerintahan yang bercorak monarki dan oligarki. Pericles pernah berpidato antara lain:

(Oleh: Jafa H. S.)

## Konsep Demokrasi

### Pericles dan Mazzini:

“Memang sudah sewajarnyalah dikatakan bahawa kita mempunyai pemerintahan demokrasi kerana pentadbiran pemerintahan kita adalah di dalam genggaman orang ramai, bukan di tangan segelintir manusia tertentu, tetapi harga kepintaran dan kebijaksanaan seseorang juga diakui, dan apabila seseorang warganegara itu mempunyai keistimewaan di dalam sesuatu hal dia lah yang diutamakan di dalam urusan pemerintahan daripada orang lain, bukan kerana sesuatu hal yang tertentu baginya sendiri, tetapi sebagai penghargaan kepada kelebihan yang ada pada dirinya.” (1)

Demikianlah konsep demokrasi yang dibentangkan oleh Pericles, seorang jaguh bangsa Greek, bangsa yang mula-mula memperkenalkan demokrasi kepada mata dunia. Demikian mengikut sejarah yang tercatit. Demokrasi yang mula-mula lahir di Greek adalah satu corak

demokrasi sebagaimana diperkenalkan oleh Mazzini:

“Demokrasi bererti kemajuan semua orang dengan perantaraan usaha semua golongan, di bawah pimpinan orang yang terpintar dan bijaksana.” (2)

### Demokrasi Berwakil:

Dari kata-kata demokrasi Greek ini seseorang dapat membayangkan apakah interpretasi yang terawal sekali untuk perkataan demokrasi yang pada ketika ini masih terus dilaung-laungkan di dunia bebas. Kini demokrasi yang pertama kali muncul di Greek itu telah menempuh berbagai perubahan, di dalam sejarah perjalannya yang telah beribu-ribu tahun untuk menemui kita. Demokrasi di hari ini bukan lagi demokrasi di zaman Solon atau Pericles dahulu.

Demokrasi sekarang adalah demokrasi moden, atau apa yang pernah dikatakan orang sebagai “demokrasi berwakil” (*representative democracy*). Demokrasi di abad dua puluh ini kini memerlukan rakyat memilih wakil-wakil mereka dan memberi kuasa kepada

wakil-wakil itu, menggantikan diri mereka. Dan terpulanglah kepada wakil-wakil menggunakan kepintaran mereka pada mentadbiri negara. Sama ada mereka akan benar-benar berlaku demokratik atau sebaliknya (kerana di dunia hari ini sudah bertambah ramai orang-orang yang hanya sanggup mewakili rakyat jelata tanpa mengetahui tanggungjawab mereka sebagai pemimpin dan penganjur), terletaklah kepada kejujuran mereka sebagai orang yang telah diamanahkan dengan satu tanggungjawab yang maha besar. Namun demikian tidak berkesalahan kira dikatakan bahawa demokrasi hari ini merupakan demokrasi yang telah ditapis dan dibatas dengan beberapa banyak sekatan-sekatan hingga erti kata (*demos – kratos*) itu telah hampir-hampir lenyap dari dunia ini. Semangat yang terkandung di dalamnya sudah mula malap.

### Agama dan Politik:

Agama dan politik tidak dapat dipisahkan. Tiap-tiap ajaran sesuatu agama tetap mengadungi unsur-unsur pentadbiran negara, undang-undang dan politik. Islam bukanlah satu agama

1. Di-petek dari L “The Legacy of The Ancient World” – oleh W.G. De Burgh.

2. Di-petek dari : “Demokrasi dari abad ka-abad” – oleh Muhammad Moein B.A.

## Islam dan Demokrasi

yang semata-mata memberatkan aliran jiwa manusia dan hubungannya dengan Tuhan, bahkan Islamlah satu-satunya agama yang dengan sungguh-sungguh menitikberatkan soal kehidupan manusia di muka dunia ini.

Islam adalah satu agama buat mencipta keamanan dan kemakmuran hidup di dunia luas. Islam penuh dengan ajaran-ajaran guna membimbing manusia untuk menempuh hidup yang berliku-liku ini, dan berjaya dengan teratur menyelenggarakan segala urusan dunia guna membawa manusia menuju ke gerbang kejayaan dan kebahagiaan. Islam bukan sahaja memaparkan soal-soal yang menghubungkan insan dengan Allah, malah Islam juga tidak ketinggalan membentangkan kepada manusia cara-cara mereka harus bergaul dan berhimpun sesama mereka. Islam dengan jelas dan teratur memimpin manusia ke arah satu pembentukan masyarakat yang dinamis dan progresif, malahan Islam mahukan manusia berbahagia di dunia sebelum menempuh hidup di akhirat.

### Manusia dan Tanggungjawab:

Mengikut ajaran Islam setiap manusia ada mempunyai tugas dan tanggungjawabnya di dalam dunia ini, peraturan ini sejajar dengan sabda Nabi kita, "Bahaha setiap manusia itu ada tanggungjawabnya dan setiap mereka akan dipersoalkan kelak atas tanggungjawabnya itu" raja bertanggung jawab terhadap rakyatnya; tuan-tuan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka; ketua-ketua bertanggungjawab

terhadap anak buah mereka, suami bertanggungjawab terhadap isterinya, dan rumahtangganya. Manusia keseluruhannya mempunyai tanggungjawab dan kewajiban terhadap Tuhan, ibu bapa, anak isteri, keluarga, sahabat, jiran tetangga, agama bangsa dan negara.

Demi untuk membentuk satu masyarakat yang benar-benar aktif lagi progresif, Islam menyeru supaya manusia sentiasa berhubung rapat antara satu sama lain. Islam menuntut supaya penganut-penganutnya menyemaikan perasaan hormat-menghormati antara mereka, tolong-menolong, bekerjasama, nasihat-menasihati. Tiap-tiap manusia bertanggungjawab menentukan masa depan masyarakatnya. "Adalah kamu sebaik-baiknya umat yang dilahirkan kepada manusia supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang mengerjakan kejahanatan", demikian bunyi firman Tuhan yang ditujukan kepada Muhammad, buat pedoman umat manusia keseluruhannya.

### Demokrasi Islam:

Islam memberi sepenuh kebebasan kepada manusia untuk menyusun dan melaksanakan prinsip-prinsip kemasyarakatan mereka. Sungguhpun Islam memberi kesempatan untuk menentukan corak masyarakat kepada setiap manusia, Islam sedar bahawa kebebasan dengan jalan demikian tidak akan berjaya sepenuhnya. Islam memerlukan manusia membentuk satu badan penyelenggara yang teratur dan tersusun. Badan inilah yang dipanggil **negara**. "Dan hendaklah ada di dalam sesuatu masyarakat itu satu golongan yang berusaha untuk mengembangkan kebaikan dan

melarang kejahanatan." Firman Tuhan ini juga membahagikan perbuatan manusia kepada dua bahagian:

Kebaikan sebagai segala perbuatan-perbuatan yang dijalankan mengikut garis-garis yang telah ditentukan oleh Allah dan disebarluaskan oleh Muhammad;

Kejahanan iaitu segala langkah-langkah yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditentukan Tuhan.

Kuasa yang digunakan oleh badan penyelenggara ini mengikut ajaran Islam, benar-benar berbentuk demokrasi. Tuhan ada berfirman "hendaklah kamu bermesyuarat di dalam pekerjaan-pekerjaanmu." Nyatalah di sini bahawa setiap soal yang telah timbul di kalangan penghidupan manusia setiap hari mestilah dihadapi dan dibersihkan dengan cara yang demokratis. Negara Islam, (yang benar-benar bercorak keislaman dan mempraktikkan segala ajaran-ajaran Islam dari setiap segi) memang sudah sewajarnyalah berfahaman demokrasi.

Demokrasi ala Islam adalah demokrasi sejati, ciptaan Allah. Kiranya sesebuah negara sanggup mengangkat Islam sebagai agama rasminya walaupun Islam tersebut terpaksa bergerak di bawah perhatian agama-agama lain yang setentunya merasa kurang senang sedikit sebanyak, maka penganjur-penganjur tidaklah perlu bimbang pada mempergunakan Islam dalam apa-apa bidang demi kebaikan bersama. Merasmikan agama Islam (agak kurang praktik kira kita menungkan bahawa Islam sememangnya telah pun dirasmikan sebagai agama untuk semua umat di dunia ini, dan

## **Islam dan Demokrasi.**

terpulanglah kepada manusia pada menerimanya), tidak membawa apa-apa erti kiranya ia hanya dilaung-laungkan sahaja tanpa benar-benar diperaktikkan.

### **Prinsip Demokrasi Islam:**

Adalah menjadi satu penghinaan yang amat-amat menghampaskan kepada Islam dan penganut-penganutnya kiranya Islam digunakan semata-mata sebagai satu alat untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu buat satu golongan tertentu pula. Apatah lagi kiranya Islam digunakan semata-mata untuk mengambil hati penganut-penganutnya demi untuk mencapai cita-cita politik satu-satu parti politik. Namun tiada berkesalahan sekumpulan itu berdasarkan ajaran-ajaran Islam dan politik memang tidak berpisah, tetapi dengan syarat golongan itu benar-benar jujur dengan perjuangannya benar-benar pula sanggup bertanggungjawab dengan segala janji-janjinya, dan bertanggung jawab menjalankan pentadbiran negara berdasarkan ajaran Islam yang suci, dengan berpegang-teguh kepada satu prinsip, prinsip keislaman, berpaut kepada satu dasar, dasar keislaman, walau apa pun angkara yang timbul. Dan satu lagi syarat yang terpenting sebelum itu, golongan itu mesti dapat menunjukkan yang ianya mempunyai autoriti yang sepenuhnya untuk memperjuangkan Islam.

### **Konsep Hidup dalam Islam:**

Jangan diragukan sangat perhubungan politik dengan Islam. Adakah diragukan bahawa di dalam negara yang mempunyai berbilang-bilang bangsa, Islam

tidak dapat menjamin keamanan dan kedudukan demokrasi akan bergoncang? Tuhan ada berfirman:

“Kami jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bergolong-golongan supaya kamu mengenal satu sama lain.” Islam mewajibkan manusia berbaik-baik dan bekerjasama antara kaum dan bangsa atau di dalam sesuatu negara yang mempunyai rakyat yang berbilang agamanya maka ditakutkan, Islam tidak dapat menjamin kebebasan agama-agama lain. Islam tidak memaksa seseorang itu menganutnya, dan Islam menghalang keras umat-umatnya menghina-hina dan memusuhi sahabat-sahabat mereka yang telah beragama lain. Mereka diberi kebebasan penuh memilih cara hidup, jasmani dan rohani mereka sendiri. Merosakkan tempat-tempat ibadat mereka adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Islam mempercayai kepada konsep hidup berbaik-baik antara manusia tanpa memandang kepada rupa, bangsa dan agama.

Demokrasi Islam berbeza dengan demokrasi ala barat yang telah merebak luas di dunia bebas hari ini.

Demokrasi pada Islam bukan hanya berpedoman kepada akal manusia, yang serba berkurangan dan sentiasa bertentangan ini, tetapi menurut garis-garis yang telah dikurniakan Allah semesta alam dan Rasul-Nya.

Demokrasi Islam adalah demokrasi tulen yang bukan semata-mata rekaan manusia, tetapi ciptaan Tuhan yang mejadikan alam ini.

### **Islam Agama Persamaan:**

Islam menuntut, persamaan yang luas yang wajib dialami di dalam masyarakat dan negara Islam. “Wahai

orang-orang yang beriman, sesungguhnya semulia-mulia orang yang pada sisi Allah, ialah orang-orang yang lebih takwa kepadanya.”

Demikianlah maksud satu firman Tuhan. Islam tidak ada menyemaikan fahaman beza-membeza di antara manusia. Tidak ada *apartheid* dalam Islam.

Muhammad, Rasulullah pernah berkata di dalam satu pidatonya antara lain, “Hai manusia! Semua kamu adalah anak cucu adam dijadikan daripada tanah.” Demikian betapa tegasnya Islam berpegang kepada dasar demokrasi, demokrasi yang berdasarkan persamaan dan kebebasan. Di dalam lapangan politik, Islam memberi hak yang sama untuk setiap rakyat tanpa memandang kepada asal keturunan, darjah, pangkat dan warna kulit.

Tiap-tiap rakyat berhak menyuarakan pendapatnya, berhak melahirkan kritiknya dan berhak menentang dan tidak menyetujui terhadap apa-apa langkah negara. Tiap-tiap rakyat mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap negara. Islam tidak mahu masyarakatnya berkasta-kasta. Islam tidak ada meninggi rendahkan seseorang itu berdasarkan kekayaan, jawatan, berketurunan atau kepandaian. Kebesaran seseorang di sisi Islam, terletak di atas tinggi atau rendahnya penyerahan batinnya kepada Allah.

### **Demokrasi Nabi Muhammad:**

Di dalam suatu perjalanan, Nabi Muhammad telah bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya bekerja keras menyediakan makanan. Apabila sahabat-sahabatnya cuba melarang nabi dari apada melakukan sebarang pekerjaan, beliau telah menerangkan: ‘Allah tiada mengasih orang yang suka mendapatkan sesuatu

## Islam dan Demokrasi

hak keistimewaan dari teman-teman seperjuangannya. Saya sendiri adalah teman kamu dan saya harus turut bekerja menyiapkan makanan seperti kamu sekalian.” Demikianlah sepatutnya seorang pemimpin itu bertaualadan. Bukanlah jujur namanya seorang pemimpin yang mahu dikerjakan segala-galanya untuknya oleh mengikut-ikutnya. Tidak jujur pemimpin yang mahu dipayung oleh anak buahnya pada hal mereka perit kepanasan, atau dijunjung, didukung pada hal mereka yang mendukung itu terpaksa mengharung bijak, basah disimbah hujan! Seorang pemimpin yang jujur, menganggap dirinya sebagai hamba kepada kepada pengikut-pengikutnya, sentiasa mahu membuat jasa dan bukan sentiasa mengharap-harapkan dibikin jasa.

Islam mempraktikkan persamaan sosial. Di dalam ibadat sembahyang misalnya, cara mengerjakannya sama sahaja, tiada beza antara raja dengan si faqir, antara tuan dengan kulinya. Sama-sama mengadap satu qiblat, sama-sama meletakkan kepada ke tempat sujud. Berdiri sama-sama tinggi, mulia; sujud sama-sama rendah, hina.

### Demokrasi Hari Ini:

Dunia demokrasi hari ini telah tidak lagi dapat menjamin kedudukan ekonomi yang seimbang bagi setiap kekayaan negara – lapisan-lapisan rendah yang sepatutnya tidak akan timbul langsung itu, sentiasa ditindas dan tenaga mereka digunakan

untuk menambahkan keuntungan. Demikian corak demokrasi dewasa ini – demokrasi pada dasarnya sahaja. Bagi Islam kekayaan seseorang bukan seharusnya digunakan untuk menindas si miskin. Orang-orang yang berharta dituntut membuat bakti dengan memberikan hartanya untuk kebahagiaan manusia bersama. “Baktikanlah segala pemberian Allah kepadamu.”

Tiap-tiap umat Islam mesti sanggup menyerahkan hartanya untuk keperluan bersama, didorong oleh kepercayaannya kepada Allah dan cita-citanya untuk berjuang dan berbakti kerana agama dan negaranya, harta seseorang di dalam negara Islam merupakan kekayaan negara dan semua rakyat. Islam merupakan satu agama yang menyama ratakan setiap lapisan masyarakat.

Hari ini Amerika dan Britain masih terus diagung-agungkan oleh hampir-hampir seluruh dunia bebas sebagai jaguh-jaguh terutama dalam melaksanakan dasar demokrasi. Hingga seolah-olah

mereka lah yang menjadi penganjur demokrasi, seolah-olah mereka tidak dapat dipisahkan dari perkataan yang besar ertiya bagi umat manusia itu. Sejarah yang telah tercatit tidak dapat dinafikan. Sejarah telah jelas membuktikan betapa Amerika dan Britain telah dan masih lagi di setengah-setengah tempat, mencabuli dasar-dasar dan prinsip-prinsip demokrasi dengan sikap imperialis dan kolonialis ganas mereka. Kiranya direnung-renungkan demokrasi dari segi Islam yang sejati itu, tentu Amerika dan Britain dapat kita tinggalkan sahaja jauh di belakang tanpa banyak persoalan. Bahkan kiranya Solon dan Pericles masih hidup lagi, tentulah mereka tidak akan merasa terlalu megah dengan demokrasi ciptaan bangsa mereka, bila kita mengenalkan kepada mereka demokrasi ala Islam. Dengan pegangan monistiknya dan dengan gema seruan: “Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah”, telah wujudlah demokrasi sebenarnya.



Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak selaku Timbalan Yang Dipertua UMNO sedang berucap di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 21 yang telah diadakan di Pentas Rosman Jalan Klang Kuala Lumpur pada 14-15 haribulan September 1968 yang lalu.